

BIDANG JAWI DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH: SATU ANALISIS LITERATUR

Jawi Field in Elementary School Islamic Education Curriculum: One Analysis of Literature

Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian & Nor Hasnida Che Md. Ghazali
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author: mazhannany888@gmail.com

Published: 28 December 2021

To cite this article (APA): Tamyis, M. M., Suppian, Z., & Che Md. Ghazali, N. H. (2021). Jawi Field in Elementary School Islamic Education Curriculum: One Analysis of Literature. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 48-64. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.5.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.5.2021>

ABSTRAK

Tulisan Jawi merupakan salah satu warisan budaya yang berkait rapat dengan jati diri masyarakat, identiti negara dan mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri. Kepentingan untuk memartabatkan tulisan Jawi telah dipandukan melalui pelaksanaan bidang Jawi dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam (BJdKPI) Semakan 2017. Namun, kewujudan jurang yang ketara antara perancangan kurikulum di peringkat pusat dengan realiti pelaksanaan guru di bilik darjah perlu diberikan perhatian. Penulisan ini membincangkan hasil analisis literatur yang merangkumi kajian bidang Jawi dalam tiga skop utama, iaitu (1) perkembangan Jawi, (2) pengajaran dan pembelajaran Jawi, dan (3) penguasaan Jawi. Kertas konseptual ini bertujuan untuk mengenal pasti fokus kajian, topik dan isu berkaitan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan soroton literatur secara analisis kandungan dan juga analisis naratif. Pencarian jurnal terpilih berdasarkan tahun terbitan dari tahun 2016-2021 dengan menggunakan medium carian *Google Scholar*. Berdasarkan tema 'bidang Jawi' dapatan kajian setelah saringan dilakukan menunjukkan terdapat 13 artikel daripada jurnal terpilih berkaitan bidang kajian sejak tahun 2016 hingga kini. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan empat elemen utama perbincangan dalam kajian lepas, iaitu; (1) kerelevanan bidang Jawi dalam kurikulum Pendidikan Islam, (2) pencapaian dan minat murid terhadap Jawi, (3) pengajaran Jawi berkesan, dan (4) Guru pendidikan Islam sebagai agen perubahan kurikulum. Pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah berhadapan dengan cabaran besar bagi memastikan ia terus dimartabatkan khususnya oleh guru di dalam bilik darjah. Kajian ini memberi ruang kajian lanjutan untuk menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Jawi di peringkat sekolah rendah secara komprehensif. Kajian lanjutan juga diharap dapat memberikan input cadangan penambahbaikan pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam pada masa akan datang.

Kata kunci: Tulisan Jawi, Pengajaran Jawi, Penguasaan Jawi, Pendidikan Islam

ABSTRACT

Jawi scripts is one of the cultural heritage that is closely related to the identity of the community, national identity and has its own historical value. The importance of elevating Jawi writing has been guided through the implementation of Jawi in the Primary School Standard Curriculum (KSSR) of Islamic Education (BJdKPI) Revision 2017. However, the existence of significant gaps between curriculum planning at the central level and the reality of teacher implementation in the classroom needs to be addressed. This paper discusses the results of a literature analysis that covers the study of the field of Jawi in three main scopes, namely (1) the development of Jawi, (2) the teaching and learning of Jawi, and (3) the mastery of Jawi. This conceptual paper aims to identify the focus of research, topics and issues related to the field of Jawi in the Islamic education curriculum. The methodology of this study uses the literature

highlight approach by content analysis as well as narrative analysis. Search selected journals based on the year of publication from 2016-2021 using the Google Scholar search medium. Based on the theme of 'Jawi field', the findings of the study after the screening showed that there were 13 articles from selected journals related to the field of study since 2016 until now. The results of the analysis showed four main elements of the discussion in the previous study, namely (1) the relevance of Jawi in the Islamic Education curriculum, (2) students' achievement and interest in Jawi, (3) effective Jawi teaching, and (4) Islamic education teachers as curriculum change agents. The implementation of Jawi in the primary school Islamic education curriculum faces great challenges to ensure that it continues to be dignified, especially by teachers in the classroom. The results of this study provide space for further research to evaluate the implementation of teaching and learning of Jawi at the primary school level comprehensively. Further research is also expected to provide input on suggestions for improving the implementation of the field of Jawi in the Islamic education curriculum in the future.

Keywords: Jawi Script, Jawi Teaching, Jawi Mastery, Islamic Education.

PENDAHULUAN

Terdapat dua jenis tulisan dalam bahasa Melayu, iaitu tulisan Jawi dan juga tulisan Rumi. Tulisan Jawi ialah tulisan huruf-huruf Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu (tulisan Melayu huruf Arab) dan ditulis dari arah kanan ke kiri serta ditokok enam huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu; *ca, pa, ga, nga, va* dan *nya* (Borham, 2012). Tulisan Jawi adalah satu tulisan yang unik dan diterima pakai masyarakat khususnya di alam nusantara. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kenyataan bahawa tulisan Jawi lebih awal digunakan dalam masyarakat Melayu semenjak tahun 1303 Masihi seiring dengan perkembangan Islam di nusantara. Selain itu, tulisan Jawi pernah menjadi *lingua franca* dan bahasa pengantar kerana ciri-ciri tulisannya yang lebih mudah berbanding tulisan Melayu silam seperti Pallawa, Kavya, Lampung, Rencong, Pasemah dan lain-lain serta digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan khususnya dalam bidang agama (A.Hamid & Abd. Ghani, 2005; Musa, 2006; Mohd Hassan *et al.*, 2017; Ahmad *et al.*, 2018). Malah tulisan Jawi mempunyai simbol estetika karya seni yang berwibawa dan berkualiti tinggi (Makmur & Buchari, 2014).

Namun begitu, perubahan penggunaan tulisan Jawi kepada tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963 menyebabkan tulisan Jawi kehilangan praktis dalam kalangan masyarakat Melayu dan mewujudkan suatu lompong generasi yang 'buta tulisan Jawi' serta kurang memberi perhatian terhadap tulisan Jawi (Yusoff, 2005). Kehilangan praktis ini dapat dilihat melalui fasa perubahan penggunaannya dalam sistem pendidikan kebangsaan, iaitu bermula sebagai bahasa pengantar dalam semua bidang ilmu kepada sebahagian tulisan dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan kemudian menjadi sebahagian bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Malah bidang Jawi telah dikurangkan dalam waktu pengajaran pendidikan Islam (Kamaruzaman & Nik Abdullah, 2021), sedangkan penguasaan mata pelajaran ini memerlukan kemahiran tulisan Jawi seperti kemahiran membaca dan menulis (Buta & Talin, 2017; Hamsa & Hamzah, 2017; Ahmad *et al.*, 2021). Tulisan Jawi menjadi sebahagian daripada kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam dan bahan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sebahagian besarnya ditulis dalam tulisan Jawi (Tamyis, 2013).

Dari sudut yang lain, pengabaian terhadap tulisan ini dalam dunia pendidikan bererti masyarakat akan kehilangan sejarah yang sangat berharga terutamanya sejarah kesusasteraan dan perkembangan bahasa Melayu di nusantara (Hendriani, 2017). Malah kedudukan dan kepentingan tulisan Jawi perlu dilihat seperti mana yang termaktub dalam kerangka struktur asas Perlembagaan Persekutuan yang terpelihara dan tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja di bawah Perkara 38 (4) dan Perkara 159 (5) berkait kedudukan bahasa Melayu, hak istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama persekutuan dan kedudukan raja-raja Melayu (Wan Husain, 2020). Ini bermakna tulisan Jawi bukanlah tulisan yang mempunyai nilai sejarah semata-mata tetapi kedudukannya sangat tinggi dan berkait rapat dengan jati diri Melayu (Abdullah & Abd. Aziz, 2020), asimilasi budaya dan warisan identiti negara (Asmuni, 2020). Rentetan daripada literatur di atas, penulis berpandangan bahawa tulisan Jawi perlu dipelihara dan dimartabatkan supaya tulisan ini tidak terpinggir dalam kalangan orang Melayu-Islam khususnya dan warga Malaysia secara

amnya. Malah sewajarnya rakyat Malaysia perlu berbangga dan beriltizam menggunakannya sebagai tulisan harian kedua selepas tulisan Rumi sebagaimana masyarakat Jepun yang mempunyai tulisan *katakana* dan *hiragana*. Justeru, salah satu cara memartabatkan tulisan Jawi adalah melalui pelaksanaan bidang Jawi secara mampan dalam kurikulum pendidikan Islam.

LATAR BELAKANG

Latar belakang kajian ini membincangkan pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum Pendidikan Islam (BJdKPI) dan pelaksanaan program j-QAF (Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain) berdasarkan analisis dokumen berkaitan polisi dan dasar dalam bidang Jawi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti berikut :

Bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam (BJdKPI) Semakan 2017

Organisasi kandungan mata pelajaran pendidikan Islam sekolah rendah secara keseluruhannya dibahagikan kepada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi (KPM, 2017). Bidang Jawi sama seperti bidang-bidang yang lain, dipandukan menerusi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Malah KPM turut menetapkan beberapa standard penguasaan asas yang sewajarnya menjadi panduan dan target minima Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk membantu murid menguasai pembelajaran Jawi. Hasrat tersebut tidak mampu dicapai seandainya tanpa keprihatinan GPI untuk memahami dan merungkai DSKP dengan baik.

Selain itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam adalah kurikulum yang telah disemak semula pada tahun 2015 dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017 (Tahun 1), 2018 (Tahun 2), 2019 (Tahun 3), 2020 (Tahun 4), dan 2021 (Tahun 5) seperti yang dipaparkan dalam jadual 1.

Jadual 1. Standard Asas Penguasaan Jawi dan Tahun Pelaksanaan DSKP Pendidikan Islam KSSR Semakan 2017
(Sumber: Ubahsuai Tamyis & Suppian, 2021)

DSKP Pendidikan Islam	Tahun Semakan Semula	Tahun Pelaksanaan	Standard Penguasaan Asas
Tahun 1	2015	2017	Membina, membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka dan tertutup.
Tahun 2	2016	2018	Murid boleh membaca, membina dan menulis rangkai kata. Membaca, membina dan menulis ayat dan teks pendek.
Tahun 3	2017	2019	Membaca dan menulis teks mudah dan ringkas yang mengandungi imbuhan akhiran dengan bimbingan. Membaca dan menulis teks mudah dan ringkas yang mengandungi imbuhan awalan dengan bimbingan Membaca dan menulis teks mudah dan ringkas yang mengandungi

Tahun 4	2018	2020	<p>imbuhan apitan dengan bimbingan. Mengenal, membaca dan menulis perkataan yang mengandungi huruf hamzah. Mengenal, membaca dan menulis perkataan tradisi. Mengenal, membaca dan menulis perkataan pinjaman bahasa Inggeris. Mengenal, membaca dan menulis perkataan pinjaman bahasa Arab.</p>
Tahun 5	2019	2021	<p>Membaca, membina dan menulis pelbagai jenis teks berdasarkan tema dalam tulisan Jawi dengan bimbingan. Mengenal dan menulis huruf, perkataan dan ayat mudah mengikut kaedah khat nasakh dengan bimbingan.</p>

Jika diperhatikan trend amalan semakan kurikulum oleh pihak KPM adalah dalam jangka masa dua tahun sebelum sesuatu pusingan penuh pelaksanaan kurikulum tamat bagi satu-satu peringkat. Ini menunjukkan pihak berwajib sentiasa mengambil kira suasana terkini dan keperluan masyarakat sebelum menggubal sesuatu kurikulum (Tamyis & Suppian, 2021). Oleh yang demikian, GPI perlu sentiasa cakna dengan sebarang bentuk perubahan kurikulum yang berkaitan dengan bidang Jawi untuk dilaksanakan dalam pengajaran di bilik darjah.

Sementara itu, analisis terhadap DSKP KSSR Pendidikan Islam Semakan 2017 untuk Tahun 1 hingga Tahun 5 bagi bidang Jawi mendapati penumpuan dan penekanan KPM terarah kepada aspek membaca dan menulis Jawi (Tamyis & Suppian, 2021). Kandungan kurikulum tersebut disusun berdasarkan prinsip yang bermula daripada mengenal, menyebut dan membaca kepada menulis dan mengarang dalam tulisan Jawi. Tujuan penyusunan kemahiran tersebut adalah bagi membolehkan murid mempelajari pendidikan Islam dan al-Quran dengan berkesan. Malah murid dihasratkan dapat membaca dan menulis teks Jawi dan menggunakannya secara lestari dalam kehidupan untuk kesejahteraan masyarakat (KPM, 2019). Dengan lain perkataan, tulisan Jawi dihasratkan untuk diangkat sebagai warisan budaya bangsa melalui pembudayaan warisan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian. Tegasnya, pelaksanaan bidang Jawi secara berkesan di peringkat sekolah rendah amat penting sebagai asas persediaan yang kukuh untuk melangkah ke peringkat sekolah menengah yang turut menggunakan bahan dan buku teks dalam tulisan Jawi walaupun tidak menjadikan Jawi sebagai suatu bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (KPM, 2014).


Program j-QAF Menyokong Pelaksanaan Bidang Jawi

Pelaksanaan bidang Jawi dalam KSSR Mata Pelajaran Pendidikan Islam juga disokong oleh program j-QAF (lihat rajah 1). Program j-QAF mula dilaksanakan di semua sekolah rendah pada tahun 2005 berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah. Tegasnya program ini merupakan salah satu strategi memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) dan melahirkan modal insan sebagaimana yang dinyatakan dalam Teras 1 dan Teras 2 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Seterusnya, program j-QAF diteruskan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dinyatakan dalam anjakan ketiga, iaitu melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai dan juga aspirasi murid, iaitu Etika dan Kerohanian (KPM,

2015). Justeru, penulis berpandangan bahawa pernyataan tersebut menunjukkan KPM memandang serius terhadap perkembangan tulisan Jawi sebagai mana mata pelajaran lain di peringkat rendah.

Berdasarkan rajah 1, pelaksanaan BJDkPI memberi implikasi terhadap proram j-QAF di sekolah yang melibatkan beberapa aspek seperti; 1) bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam melibatkan agihan 1 waktu (30 minit); 2) Model Pemulihan Jawi dijalankan melalui Kem Cemerlang Jawi; dan 3) kelab Jawi dan Khat yang dijalankan melalui aktiviti persatuan dalam kegiatan Ko-Kurikulum (KPM, 2015).

Rajah 1. Program j-Qaf dalam Kurikulum Pendidikan Islam
(Sumber: KPM, 2015)



Namun bermula pada tahun 2015, model pemulihan Jawi yang dilaksanakan di dalam bilik darjah secara membahagikan murid kepada dua kumpulan, iaitu murid arus perdana dan murid pemulihan telah dihentikan dengan menyerap guru j-QAF menjadi GPI. Model pemulihan Jawi ini telah ditukar menjadi Kem Cemerlang Jawi (KCJ) yang dilakukan di luar waktu persekolahan, iaitu pada waktu hujung minggu. Pelaksanaan KCJ menggunakan modul bentuk kem dilihat berbeza daripada pengajaran dalam kelas serta kurang mendapat sokongan ibu bapa secara menyeluruh (Hamdzah & Surat, 2020). Malah ini juga bermaksud GPI perlu melaksanakan aktiviti pengayaan dan pemulihan di dalam bilik darjah.

Bermula pada tahun 2019 pihak BPI KPM tidak lagi membekalkan instrumen pentaksiran Jawi dan instrumen ujian diagnostik KCJ untuk memberi ruang autonomi kepada pihak sekolah membina dan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Langkah ini sejajar dengan pengumuman Menteri Pendidikan ketika itu yang memansuhkan peperiksaan Tahap Satu bagi memberi fokus kepada kepelbagaian potensi murid-murid dan digantikan dengan pentaksiran yang lebih objektif. Oleh itu, guru diberi ruang melaksanakan PBD berdasarkan standard pembelajaran yang ditentukan sendiri oleh guru. Ini juga bermaksud GPI perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran melaksanakan pentaksiran formatif yang bersifat bimbingan berterusan.

Analisis terhadap dokumen-dokumen berkaitan BJDkPI dan Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF KPM, penulis berpandangan bahawa usaha memelihara dan menyuburkan kembali kecintaan terhadap tulisan Jawi ini dilihat amat penting melalui kesungguhan kerajaan mengeluarkan peruntukan bajet yang tinggi dalam pelaksanaan program j-QAF sebagai suatu bentuk sokongan BJDkPI. Sehubungan itu, GPI memainkan peranan penting sebagai pelaksana kejayaan kurikulum di peringkat bilik darjah. Malah, pelaksanaan bidang Jawi yang berkesan di peringkat sekolah rendah adalah penting bagi persediaan murid di peringkat menengah serta mengelakkan berlakunya 'kecuaian pelaksanaan kurikulum' kerana guru di peringkat menengah lebih memberikan penumpuan terhadap penyampaian kandungan mata pelajaran

pendidikan Islam berbanding aspek pemulihan Jawi (Tamyis & Suppian, 2021). Justeru, GPI seharusnya bersedia mendepani sebarang perubahan dalam pendidikan yang bersifat dinamik.

PERNYATAN MASALAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat melakukan pelbagai anjakan sistem antaranya dengan menjadikan perguruan sebagai profesion pilihan bakal tenaga kerja. Salah satu langkah yang dilaksanakan adalah melalui peningkatan kualiti guru dengan memastikan guru memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran mulai tahun 2013 (KPM, 2012). Jelasnya, pelaksanaan kurikulum berkualiti di peringkat sekolah bergantung kepada persepsi, sikap, kemahiran, pengetahuan dan keprihatinan guru sebagai pelaksana kurikulum yang memerlukan mereka menimba pengalaman, ilmu dan kemahiran dalam menghadapi perubahan kurikulum.

Oleh yang demikian, penerimaan dan pemahaman terhadap pelbagai cara pengajaran, penyesuaian tugas kepada individu, pembelajaran berpasukan, persekitaran kondusif, visi yang jelas, pemupukan pemikiran yang bersistem dan motivasi perubahan-perubahan kecil merupakan kunci kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum (Hall & Hord, 2011). Ini kerana sekolah adalah sebuah institusi yang diberi mandat untuk melaksanakan kurikulum yang dirancang. Kurikulum yang disebar sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan negara (Puteh *et al.*, 2013). Namun, terdapat kegagalan pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah kerana guru tidak memahami dan tidak dapat melaksanakan sepenuhnya kurikulum yang diperkenalkan kepada muridnya dengan mendalam (Jaafar, 2019). Oleh yang demikian, kewujudan jurang yang ketara antara perancangan kurikulum di peringkat pusat dengan realiti pelaksanaan guru di bilik darjah perlu diberikan perhatian. Selain itu, fokus kajian-kajian lepas berkaitan bidang Jawi dalam kurikulum persekolahan di Malaysia lebih banyak menumpukan pelaksanaan model pemulihan Jawi program j-QAF (Tamyis, 2013; Bahrin *et al.* 2014; Jamriy, 2016; Mat Arrifen, 2019) dan tidak menyeluruh. Justeru, penulis berpandangan adalah amat wajar satu analisis literatur yang komprehensif dijalankan bagi melihat fokus kajian bidang Jawi dalam kurikulum nasional secara lebih sistemik.


OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti fokus kajian berkaitan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam melalui pencarian artikel dalam beberapa jurnal terpilih. Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah topik utama berkaitan dengan bidang Jawi dalam tempoh tahun 2016 hingga 2021. Rasional kajian ini dijalankan untuk menyorot pelaksanaan bidang Jawi dalam KSSR Pendidikan Islam Semakan 2017 yang membabitkan aspek kecintaan terhadap warisan budaya bangsa.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dalam ruang lingkup yang amat terhad disebabkan bidang Jawi agak kecil dan terbatas, iaitu hanya melibatkan kajian di Nusantara. Dua kaedah analisis telah dipilih untuk dilakukan dalam kajian ini, iaitu analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis naratif. Ulasan naratif bermaksud suatu kajian literatur yang bersifat umum dengan kaedah pengumpulan bahan literatur, analisis dan menyimpulkan kajian lepas secara penceritaan topik demi topik melibatkan sesuatu skop yang dipilih bagi menjelaskan perkara yang sedia ada wujud dalam sesuatu bidang ilmu (Mahmud, 2021). Penulisan ini turut membincangkan masalah yang wujud dalam bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam, dapatan terkini dan hala tuju masa depan isu tersebut.

Rajah 2. Proses pemilihan artikel jurnal



Proses pencarian artikel jurnal dalam kajian ini membabitkan artikel jurnal yang diterbitkan dalam jurnal berwasit berdasarkan faktor kekinian jurnal dan indeks jurnal menggunakan enjin carian *Google Scholar*. Justifikasi pemilihan pengkalan data akademik Google Scholar adalah kerana ia mempunyai kekuatan dari segi pencarian yang menyeluruh, hasil pencarian yang lebih stabil dan fungsi pencarian yang lebih banyak berbanding yang lain (Gusenbauer & Haddaway, 2020). Selain itu, kata kunci yang digunakan adalah dalam bahasa Melayu, iaitu “bidang Jawi” dengan menggunakan *boolean* ‘AND’. Pencarian artikel juga menggunakan had tempoh 2016-2021 bagi mendapatkan artikel terkini. Rajah 2 menunjukkan proses pemilihan artikel.

Limitasi kajian tertumpu kepada bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sesuai dengan objektif kajian. Bagi mendapatkan artikel yang tepat dan bersesuaian dengan objektif, beberapa langkah diambil bagi proses penapisan kesemua artikel yang diperoleh seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1. Proses saringan yang pertama adalah berdasarkan beberapa kriteria penerimaan dan penolakan. Kriteria penolakan dalam proses saringan artikel adalah seperti berikut; (1) pemilihan artikel jurnal sahaja; (2) pemilihan artikel bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sahaja; (3) artikel terbitan 2015 dan sebelumnya dikecualikan; dan (4) topik kajian berkaitan manuskrip kitab lama Jawi, pembangunan perisian Jawi dan pengkomputeran Jawi turut dikecualikan daripada kajian.

Hasil pencarian sebanyak 13 artikel telah didapati sesuai untuk dianalisis dalam kajian ini. Rumusan dan laporan data bertulis berkaitan dengan topik kajian daripada semua artikel ini dianalisis dan dikategorikan mengikut persamaan kata kunci dalam abstrak, kupasan isu serta skop kajian. Sepanjang analisis data yang telah dilaksanakan, setiap kategori dikenal pasti ini dimurnikan secara berterusan. Di peringkat akhir analisis, dapatan analisis terhadap artikel-artikel kajian ini dikategorikan mengikut tema dan pola seperti berikut; (i) perkembangan Jawi; (ii) pengajaran dan pembelajaran Jawi, dan (iii) penguasaan Jawi. Pemilihan kupasan penulisan dapatan kajian berdasarkan ketiga-tiga tema ini dibuat bagi melihat gambaran fokus dan isu dalam bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam secara menyeluruh.

DAPATAN

Daripada artikel yang dikenal pasti dan dikaji, penyelidik mengumpulkan artikel terbabit berdasarkan fokus kajian yang diterjemahkan kepada tiga tema utama, iaitu (1) perkembangan tulisan Jawi; (2) pengajaran dan pembelajaran Jawi, dan (3) penguasaan Jawi. Penyelidik mendapati bilangan artikel bukan berasaskan kajian adalah lebih banyak berbanding artikel berasaskan kajian. Ini menunjukkan terdapat ruang untuk melakukan kajian lanjutan dalam bidang ini terutama dari aspek pelaksanaannya dalam ruang lingkup yang pelbagai. Jadual 1 memaparkan analisis kandungan artikel yang dipilih berdasarkan isu berkaitan Jawi.

Untuk itu, sebanyak 13 artikel berkaitan bidang Jawi telah dianalisis dalam kajian ini seperti yang dipaparkan dalam jadual 2.

Sebanyak enam artikel yang dapat dikategorikan sebagai kajian bertemakan perkembangan tulisan Jawi. Kesemua artikel tersebut mengupas mengenai perkembangan tulisan Jawi yang mengaitkan isu seperti daya saing dan cabaran tulisan Jawi, pemeraksanaan tulisan Jawi, peminggiran tulisan Jawi dan persepsi semasa masyarakat terhadap tulisan Jawi. Misalnya kajian oleh Ibrahim *et al.* (2019) mendapati tulisan Jawi sangat penting untuk dipelajari oleh sesiapa sahaja sama ada murid sekolah rendah, menengah mahupun orang dewasa. Dapatan daripada penulisan lima artikel lain turut memperlihatkan gesaan mereka agar tulisan Jawi terus dipelajari dan diwarisi oleh generasi mendatang sebagai warisan keunikan Melayu (Abdul Rahman *et al.*, 2017; Ahmad *et al.*, 2018; Abdul Latip, 2018; Mohd Amin & Abdul Rahman, 2019).

Sementara itu tiga artikel didapati memfokuskan kajian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran Jawi (Nahar & Safar, 2016; Md. Jaafar *et al.*, 2017; Hamdzah & Surat, 2020). Sebagai contoh Hamdzah dan Surat (2020) merumuskan dapatan penyelidikan terdahulu bahawa cabaran pembelajaran Jawi adalah disebabkan faktor minat yang rendah berpunca daripada; (1) persepsi Jawi sukar dipelajari dan tidak penting, (2) kaedah pengajaran yang kurang sesuai, (3) pengkaedahan Jawi moden yang mengelirukan, dan (4) kurang mendapat galakan ibu bapa.

Oleh itu, berdasarkan analisis kandungan 13 artikel tersebut, penulis merumuskan bahawa ia boleh dikaitkan dengan pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan tiga tema, iaitu: (1) konteks - berdasarkan artikel dalam tema perkembangan tulisan Jawi. Penulis berpandangan kepentingan, kelestarian dan hala tuju tulisan Jawi sebagai warisan budaya nasional perlu diambil kira dengan serius oleh pembuat dasar dan pelaksana di peringkat akar umbi, (2) input - kemahiran literasi Jawi yang baik perlu dimulakan lebih awal melalui pelaksanaan pembelajaran Jawi yang berkualiti yang boleh menyemarakkan minat generasi muda hari ini. Oleh itu, faktor bagaimanakah mewujudkan sumber manusia (pengajaran GPI) dan bukan manusia (kandungan kurikulum, bahan bantu mengajar, fasiliti) juga perlu diambil kira, dan (3) Proses - pelaksanaan bidang Jawi dalam bilik darjah mengambil kira faktor tahap penguasaan murid dan juga guru. Justeru, dapatan kajian yang membabitkan ketiga-tiga tema utama ini akan menjadi kerangka utama perbincangan seterusnya.

Akhir sekali, terdapat empat kajian bertemakan penguasaan Jawi yang boleh diasingkan mengikut kategori responden kajian, iaitu pelajar sekolah menengah (Kamaruzaman & Nik Abdullah, 2019), dan untuk guru (Zainuddin, 2020; Ahmad *et al.*, 2021; Mohamad Yusoff & Zulkifli, 2021). Sebagai contoh kajian Kamaruzaman & Nik Abdullah (2019) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kepentingan pelajar dalam kemahiran Jawi dengan pencapaian mereka dalam akademik.

Jadual 1: Analisis Kandungan Berasaskan Isu Berkaitan Bidang Jawi

Bil.	Topik	Jurnal	Rekabentuk/ kaedah	Pengarang/ Tahun
1	Pengajaran dan pembelajaran Jawi	Tinta Artikulasi Membina Ummah 2 (2): 70-85.	Kajian kepustakaan/ analisis dokumen	Nahar & Safar (2016)
2	Pengajaran dan pembelajaran Jawi	Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences, 19(4): 57-70	Kuasi eksperimental	Md. Jaafar <i>et al.</i> (2017)
3	Perkembangan tulisan Jawi	Jurnal Sains Insani, 2(1): 42-47	Kuantitatif/ Tinjauan	Abdul Rahman <i>et al.</i> (2017)
4	Perkembangan tulisan Jawi	Journal of Techno Social, 10(1): 57-62	Kualitatif/ kajian kepustakaan	Ahmad <i>et al.</i> (2018)
5	Perkembangan tulisan Jawi	Jurnal Sains Insani, 3 (1):38-45	Kualitatif/ analisis dokumen	Abdul Latip (2018)
6	Perkembangan tulisan Jawi	BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 2(1):29-37	Kualitatif / analisis dokumen	Ibrahim <i>et al.</i> (2019)
7	Perkembangan tulisan Jawi	Jurnal Sains Insani, 4(1): 7-14	Kuantitatif/ Tinjauan	Mohd Amin & Abdul Rahman (2019)
8	Penguasaan Jawi	Jurnal KIAS, 14 (1): 1-30	Kuantitatif/ tinjauan	Kamaruzaman & Nik Abdullah (2019)
9	Pengajaran dan pembelajaran Jawi	Jurnal Personalia Pelajar, 23(2): 103-109.	Kualitatif/ analisis dokumen	Hamzah & Surat (2020)
10	Penguasaan Jawi	Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 18(2):74-91	Kualitatif/ Analisis Kandungan	Zainuddin (2020)
11	Perkembangan tulisan Jawi	Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 7(2): 244-255	Kualitatif/ Analisis perbandingan	Abdullah & Abdul Aziz (2020)
12	Penguasaan Jawi	Jurnal Dunia Pendidikan, 3(2), 144-153	Kuantitatif/ Tinjauan	Ahmad <i>et al.</i> (2021)
13	Penguasaan Jawi	Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 5:1-14	Kuantitatif/ Tinjauan	Mohamad Yusoff & Zulkifli (2021)

PERBINCANGAN

Berdasarkan penelitian terhadap literatur yang telah dinyatakan dalam kerangka tema utama dalam sub topik dapatan, perbincangan kajian ini seterusnya adalah elemen-elemen utama yang boleh dikaitkan daripada artikel-artikel tersebut dengan pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum Pendidikan Islam. Penulis mendapati terdapat empat elemen utama, iaitu; (1) kerelevanan bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam, (2) pencapaian dan minat murid terhadap Jawi, (3) pengajaran Jawi berkesan, dan (4) GPI sebagai agen perubahan kurikulum, yang boleh ditonjolkan untuk perbincangan seperti berikut :

Kerelevanan Bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam

Berdasarkan analisis daripada enam artikel dalam tema perkembangan tulisan Jawi, penulis merumuskan bahawa perkembangan tulisan Jawi pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran bagi memastikan ia terus kekal dipelihara dan dimartabatkan. Walaupun tulisan Jawi masih lagi penting dan mampu bertindak sebagai lambang identiti dan jati diri bangsa Melayu (Abdul Rahman *et al.*, 2017), namun begitu rata-rata pengkaji tetap gusar dengan sikap masyarakat tempatan yang meminggirkan tulisan ini dari segi pengamalan dan pembudayaannya secara lestari dalam kehidupan seharian. Isu ini wujud disebabkan beberapa faktor, antaranya termasuklah; (1) peranan tulisan Jawi sebagai medium penyebaran ilmu terutama ilmu agama mula diambil alih tulisan Rumi, (2) daya saing tulisan Jawi mula menurun berikutan pertambahan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu yang diserap daripada bahasa asing, dan (3) sikap masyarakat Melayu sendiri yang kabur dan memandang remeh tentang kepentingan tulisan Jawi (Ahmad *et al.*, 2018; Abdul Latip, 2018; Abdullah & Abdul Aziz, 2020).

Sehubungan itu, langkah menyerap bidang Jawi ke dalam kurikulum pendidikan Islam KPM adalah tindakan yang tepat kerana buku teks mata pelajaran pendidikan Islam adalah dalam tulisan Jawi dan kurikulum tersebut turut disokong oleh program j-QAF (Ibrahim *et al.*, 2019). Namun usaha ini masih belum cukup, kerana tulisan Jawi hanya dianggap penting dalam ruang yang sempit, iaitu dalam konteks pembelajaran pendidikan Islam sahaja (Abdullah & Abdul Aziz, 2020). Justeru, satu usaha perlu dilakukan untuk memperkukuhkan pelaksanaan dan pembudayaan tulisan Jawi khususnya melalui medium kurikulum pendidikan Islam.

Bagi memastikan bidang Jawi relevan dalam kurikulum pendidikan, penggubalan kurikulum dalam bidang Jawi di Malaysia telah menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang mengambil kira konsep kesepaduan ilmu dan keseimbangan pembentukan peribadi berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Lubis *et al.*, 2021) sebagai teras, hala tuju dan haluan sesebuah kurikulum. Namun, penerapan FPK dalam kurikulum pendidikan kini berhadapan dengan isu dari segi kaedah penilaiannya yang dilihat masih mengutamakan akademik dan ketinggian intelek berbanding aspek penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan aspek perubahan akhlak murid (Ismail, 2015). Malah guru didakwa mengajar dengan mengutamakan matlamat menghabiskan sukatan pelajaran bagi persediaan menghadapi ujian sumatif. Hal ini menyebabkan berlakunya pengabaian murid lemah dan kurang bernasib baik yang tidak dibangunkan potensi secara menyeluruh. Sebagai contoh, kajian Abdul Rahim *et al.* (2021) ke atas 172 responden pelajar sekolah menengah mendapati majoriti pelajar berpandangan mereka tidak dapat memberi fokus di dalam kelas pendidikan Islam walaupun pada asasnya mereka lulus dalam penguasaan pendidikan Islam.

Selain itu, bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam juga perlu dilihat sebagai dinamik dan seiring dengan perkembangan semasa. Namun, pendidikan Islam kini lebih dilihat sebagai suatu mata pelajaran bersifat ritual ibadah dan mata pelajaran peperiksaan bukannya ilmu atau mata pelajaran untuk mengupayakan manusia untuk mengurus kehidupan seharian (Ismail *et al.*, 2019). Sehubungan itu, pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam perlu berteraskan realiti masyarakat Islam di Malaysia yang berusaha melahirkan individu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mempertahankan identiti bangsa dan membentuk negara bertamadun (Ali & Abdullah, 2015). Oleh itu, GPI perlu bijak menterjemah kurikulum bagi membantu memandu arah murid agar mampu berfikir tanpa mengabaikan nilai kemanusiaan dan nilai murni dalam kehidupan seharian. Rumusannya, pelaksanaan BJKPI yang

relevan dengan FPK dan kehendak masyarakat penting bagi merealisasikan manhaj rabbani dalam kehidupan murid kelak. Ini penting bagi menjadikan murid pada masa kini dan akan datang sebagai warga Malaysia yang mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran yang baik dan berkualiti serta menggunakannya untuk memberi manfaat kepada dirinya dan juga orang lain serta alam semesta.

Daripada pernyataan-pernyataan yang diberikan dapat dirumuskan bahawa bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam wajar dinilai semula bagi melihat kelangsungan dan kerelevanannya dengan perkembangan semasa. Penggubalan kurikulum yang melibatkan bidang Jawi seharusnya mengambil kira faktor warisan budaya, identiti nasional dan lambang jatidiri Melayu-Islam. Malah apa yang penting, masyarakat Malaysia perlu diyakinkan bahawa penambahbaikan bidang Jawi dalam kurikulum ini merupakan suatu faktor keperluan sebagai asas pemupukan rasa cinta dan kepunyaan pemilikan bahasa Melayu.

Pencapaian dan Minat Murid Terhadap Jawi

Berdasarkan analisis daripada tiga artikel dalam tema pembelajaran dan pengajaran Jawi, penulisan merumuskan bahawa faktor bagaimana meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam bidang Jawi perlu ditekankan di peringkat sekolah rendah lagi. Ini kerana terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan pencapaian murid dalam sesuatu mata pelajaran. Murid dilihat akan memperoleh pencapaian yang lebih baik jika berminat terhadap sesuatu mata pelajaran (Johari *et al.*, 2021). Justeru, hasrat murni ini perlu difahami dan didokong oleh GPI bermula dalam ruang lingkup bilik darjah.

Ini kerana kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi dengan baik berpunca daripada faktor kurang minat dan kesedaran tentang kepentingan penguasaan bidang Jawi (Hamdaz & Surat, 2020; Ahmad *et al.*, 2021) seperti mengangap tulisan ini tidak mempunyai nilai komersial kerana tidak diguna pakai dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pernyataan ini disokong menerusi kajian lain yang menunjukkan kelemahan murid dalam bidang Jawi antaranya adalah disebabkan faktor kurang minat ekoran ketidakmampuan murid membaca dan memahami kandungan dalam buku teks dengan baik (Ag Ghani, 2006; Sabilan *et al.*, 2018). Kelemahan tersebut seterusnya akan memberi impak terhadap penguasaan ilmu atau bidang lain dalam mata pelajaran pendidikan Islam seperti akidah, ibadah, sirah dan akhlak (Hamsa & Hamzah, 2017; Buta & Talin, 2017). Jelasnya, penguasaan kemahiran membaca dan menulis Jawi adalah asas penting bagi penguasaan isi kandungan mata pelajaran pendidikan Islam.

Selain itu, minat murid terhadap Jawi didakwa tidak tekal selepas tamat persekolahan kerana pengamalan dan pembudayaan tulisan Jawi tidak meluas apabila mereka melangkah ke alam menara gading dan dunia luar persekolahan (Abdullah & Abdul Aziz, 2020). Hasil kajian Yusoff dan Musa (2012) turut menunjukkan kelemahan generasi muda dalam tulisan Jawi disebabkan persepsi dan kurangnya keprihatinan mereka dalam memartabatkan tulisan Jawi sebagai warisan budaya bangsa dan warisan perkembangan Islam di Nusantara. Malah responden dalam kajian tersebut turut berpandangan ‘tulisan Jawi tidak penting untuk dikaitkan dengan Islam kerana Islam tidak akan hilang dengan hilangnya tulisan Jawi’. Dengan kata lain, penggunaan tulisan Jawi adalah tidak meluas dan terbatas dalam skop pembelajaran pendidikan Islam sahaja. Namun kajian Mohd Amin dan Abdul Rahman (2019) mendapati generasi muda masih lagi berminat dengan Jawi dan mengharapkan kursus berkaitan Jawi di semua semua peringkat pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ini bermaksud masih terdapat permintaan masyarakat untuk memartabatkan pembelajaran Jawi mungkin dengan pendekatan yang lebih segar dan interaktif.

Di samping itu, penamatan pengajaran dan pembelajaran Jawi di sekolah rendah memberi implikasi generasi muda yang lemah memahami tulisan dan membaca Jawi di peringkat sekolah menengah. Dapatan kajian Kamaruzaman dan Nik Abdullah (2019) ke atas responden di empat buah sekolah menengah kebangsaan di Bachok mendapati bahawa kegagalan pelajar dalam subjek Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS) disebabkan ketidakupayaan mereka menggunakan tulisan Jawi dengan baik. Oleh yang demikian, penulis berpandangan GPI bertanggungjawab membantu menyebarkan dan menerapkan rasa cinta dan kepunyaan tulisan Jawi sebagai warisan budaya bangsa di peringkat awal persekolahan lagi

menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah.

Pengajaran Jawi Berkesan

Berdasarkan analisis daripada tiga artikel dalam tema pembelajaran dan pengajaran Jawi juga penulis mendapati elemen pengajaran guru juga perlu diambil kira. Ini kerana GPI berperanan dalam membantu murid menguasai pembelajaran Jawi. Untuk menanamkan sikap kecintaan tulisan Jawi yang mendalam dalam kalangan murid perlu disokong oleh GPI yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengajaran Jawi yang mantap (Abdullah & Abdul Aziz, 2020; Mohamad Yusoff & Zulkifli, 2021). Abdullah dan Abdul Aziz (2020) menegaskan bahawa minat murid yang rendah terhadap Jawi adalah disebabkan tiada penekanan terhadap kepentingan penguasaan Jawi serta kaedah pengajaran GPI yang dianggap membosankan. Manakala kajian Mohamad Yusoff & Zulkifli (2021) menunjukkan terdapat hubungan tahap kefahaman dan kemahiran GPI dalam pengajaran Jawi yang berhubung kait secara positif dengan kekuatan perhubungan ($r=0.22$). Kajian mereka juga menunjukkan tahap kemahiran ($\text{min}=4.6$) dan kefahaman ($\text{min}=4.21$) responden dalam pengajaran Jawi adalah tinggi. Ini menunjukkan tahap kefahaman dan kemahiran GPI dalam pengajaran Jawi dapat meningkatkan tahap keberkesanan pembelajaran murid. Namun kajian mereka dijalankan ke atas responden guru agama di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang menggunakan silibus yang berbeza dengan silibus KSSR Pendidikan Islam KPM.

Daripada pernyataan-pernyataan yang diberikan dapat dirumuskan bahawa pengajaran Jawi yang berkesan memerlukan GPI yang mempunyai penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran Jawi yang meluas. Ini kerana kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi bukanlah mudah seperti mana kemahiran bahasa lain kerana ia memerlukan keupayaan kognitif dan psikomotor; perkembangan dan kecekapan deria motor yang sempurna untuk membentuk dan menghasilkan bentuk-bentuk huruf di samping memerlukan koordinasi mata dan otak (Tamyis, 2013). Malah kemahiran tulisan Jawi adalah suatu hasil kraf dan seni yang mesti diajar dengan cara dan teknik yang betul sejak awal lagi (Sabilan *et al.*, 2018).

Untuk itu, GPI perlu menguasai pengkaedahan tulisan Jawi dengan baik (Nahar & Safar, 2016; Ali *et al.* 2018). Sistem tulisan dan ejaan Jawi yang digunakan di Malaysia sekarang ialah sistem yang terdapat dalam buku Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (PEJYD). Malah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa berusaha menyediakan dan mengemaskinikan pedoman serta aturan penggunaan bahasa Melayu, misalnya melalui buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (2020) dan buku Daftar Kata Rumi-Sebutan-Jawi, Edisi Kedua Cetakan 2016.

Penyelarasan kaedah ejaan Jawi bermula pada tahun 1988, apabila DBP menerbitkan sebuah buku bertajuk “Daftar Ejaan Rumi-Jawi” berasaskan “Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan” dan sentiasa melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa (Abdul Hamid & Abdul Latif, 2014). Sehingga kini, Daftar Kata Bahasa Melayu (DKBM) Rumi-Sebutan-Jawi Edisi terkini memuatkan entri dan subentri berjumlah lebih 58 000 kata termasuk lebih 8 200 kata tambahan yang bersumberkan Kamus Dewan Edisi Ketiga dan Kamus Dewan Edisi Keempat. Walaupun begitu, buku DKBM adalah berbeza dengan kamus kerana dalam buku ini apa yang diutamakan adalah pengejaan dan penyebutan sesuatu kata Melayu dengan menggunakan Sistem Ejaan Rumi, Sistem Ejaan Jawi dan Sistem Sebutan Baku Bahasa Melayu. Jelasnya, DKBM merupakan buku panduan dan rujukan penting dalam penggunaan tulisan atau ejaan Rumi dan Jawi serta sebutan baku bahasa Melayu yang seharusnya menjadi rujukan GPI dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan tulisan Jawi.

Hal ini penting kerana bagi mengelakkan kekeliruan konsep berkaitan sistem ejaan Jawi kerana tulisan ini mempunyai beberapa kerumitan dari segi pengkaedahan. Sebagai contoh, Ahmad *et al.* (2012) membangkitkan isu pertambahan perbendaharaan perkataan dalam bahasa Melayu khususnya penyerapan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang berkaitan istilah-istilah khusus dalam bidang tertentu seperti perkataan *eksekutif*, *eksplorasi*, *eksponen*, *introversi*, *inventif* dan sebagainya menyebabkan bahasa Melayu sukar ditulis menggunakan tulisan Jawi. Hal ini disebabkan bahasa Inggeris menggunakan huruf yang tidak

terdapat dalam tulisan Jawi dan sebutan bahasa Melayu (contohnya *eks*). Oleh itu, penulisan perkataan tersebut terpaksa menggunakan lebih daripada satu huruf.

Selain penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran (PK), GPI perlu menguasai pedagogi kandungan mata pelajaran dan pedagogi Abad ke-21 (PAK21) dengan mengintegrasikan bahan sokongan pembelajaran pembelajaran yang menarik dan berkesan (Nahar & Safar, 2016; Mohamad Yusoff & Zulkifli, 2021; Mahendran et al., 2021). Malah kelemahan murid dalam pembelajaran Jawi juga didakwa berpunca daripada kekurangan kemahiran guru menggunakan strategi, pendekatan dan teknik terbaik dalam bilik darjah (Mohamad Yusoff & Zulkifli, 2021). Sehubungan itu, langkah pengajaran Jawi berkesan wajar bermula sejak dari Tahun 1 untuk membina asas literasi yang mantap. Malah GPI berperanan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran Jawi dengan pelbagai kaedah yang menarik dan berpusatkan murid seperti pembelajaran koperatif (Md. Jaafar et al., 2017). Berdasarkan dapatan daripada literatur tersebut, penulis menyimpulkan bahawa GPI perlu berani dan kreatif untuk mencuba pendekatan dan teknik berbeza untuk diaplikasikan dalam pengajaran Jawi. Hubungan interaksi guru-murid boleh dipertingkatkan melalui pengajaran berpusatkan murid yang lebih mementingkan guru bertindak sebagai fasilitator berbanding bertindak sebagai penyampai maklumat sehala dalam pengajaran berpusatkan guru.

GPI Sebagai Agen Perubahan Kurikulum

Akhir sekali, berdasarkan analisis daripada empat artikel dalam tema penguasaan Jawi, penulis mendapati elemen GPI sebagai agen perubahan kurikulum adalah penting. Hal ini kerana Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem pendidikan secara sentralisasi. Sistem sentralisasi pendidikan bermaksud dasar dan hala tuju secara menyeluruh ditetapkan oleh KPM bercorak segitiga bermula di peringkat pusat dan seterusnya disampaikan ke peringkat negeri, daerah, sekolah dan akhirnya di bilik darjah (Tamyis, 2013). Rumusan penulis berdasarkan dapatan kajian (Zainuddin, 2020; Ahmad et al., 2021; Mohamad Yusoff & Zulkifli, 2021) menunjukkan bahawa GPI bukan sahaja menjadi pelaksana bahkan sewajarnya bertindak sebagai agen perubahan kurikulum terutamanya dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum banyak bergantung kepada perubahan yang dilakukan dalam konteks bilik darjah. Justeru itu GPI sewajarnya cakna terhadap perubahan yang berlaku dalam kurikulum pendidikan Islam terutama yang membabitkan soal polisi seperti perubahan aspek pentaksiran (Rasul & Hassan, 2019), pelaksanaan program pemulihan Jawi (Ahmad et al., 2021) dan pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid melalui elemen PAK21 (Md. Jaafar et al., 2017).

Kajian Zainuddin (2020) menyorot ciri-ciri GPI berkualiti dan hebat daripada profil ketokohan Bukhari Lubis (BL) dalam bidang Jawi dan Khat. Berdasarkan amalan contoh daripada BL, antara sikap yang perlu diamalkan GPI adalah tekun dan bersungguh-sungguh dalam mencari dan menambah ilmu yang bermanfaat seiring dengan peredaran zaman. Proses penambahan ilmu boleh dilakukan dengan rajin mengikuti kursus atau bengkel yang dianjurkan oleh pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), KPM atau agensi-agensi lain seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Institut Aminudin Baki (IAB), dan DBP. Penyertaan ini akan memberi nilai tambah dan impak positif pada diri malah membantu menambah pergaulan seseorang guru.

Selain itu, Zainuddin (2020) menyarankan GPI mencontohi sikap berani membuat perubahan dan kelainan dalam teknik pengajaran yang mencetuskan inovasi yang relevan dan efisien seperti yang dilakukan BL. Malah BL mengamalkan perwatakan GPI contoh dengan amalan suka membimbing rakan sejawat dan anak murid secara hikmah dan bijaksana supaya menjadi insan yang berguna, komited menjalankan tugas dan menepati peraturan. Di samping itu, BL bukanlah individu yang statik pada zon selesa. Beliau sentiasa gigih melaksanakan tanggungjawab dengan penuh minat dan mencari jalan penyelesaian sama ada melalui pembacaan mahupun pertanyaan kepada orang lain. Selain itu, BL turut aktif melibatkan diri dalam komuniti contohnya dalam pertubuhan profesional keguruan. Ini penting sebagai wadah berkongsi ilmu dan idea untuk mengadakan sebarang aktiviti ataupun program pendidikan. Justeru, boleh dikatakan bahawa antara ciri-ciri GPI yang bertindak sebagai agen perubahan kurikulum adalah mempunyai kompetensi pengajaran, mempunyai perwatakan sebagai GPI, melaksanakan tanggungjawab di dalam dan luar bilik

darjah serta menunjukkan komitmen yang tinggi dalam kerjaya keguruan.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Kurikulum merupakan suatu rancangan pendidikan yang mengandungi ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur-unsur warisan budaya dan kepercayaan yang telah menjadi pilihan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahli-ahlinya. Dalam konteks pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam, terdapat kegusaran para sarjana tempatan berkaitan hala tuju dan kemapanan tulisan Jawi pada masa akan datang. Justeru, bidang Jawi dalam kurikulum semasa dilihat belum mampu menyediakan masyarakat yang menggunakan tulisan Jawi secara lestari dalam kehidupan kerana masih belum cukup kuat untuk dijadikan amalan budaya seharian.

Di samping itu, sesuatu kurikulum yang baik bukan sahaja perlu lengkap pada prinsipnya malah mantap daripada segi penyampaiannya. Sistem penyampaian yang baik perlu mengambil kira beberapa faktor antaranya termasuklah; (1) tafsiran sesuatu polisi atau dasar dinyatakan secara eksplisit, (2) aktiviti pemantauan penyeliaan dan tindak susul yang reflektif, (3) kecairan maklumat, (4) keprihatinan terhadap inovasi dan pembaharuan, dan (5) kekakuan birokratik yang menghalang kreativiti dan inovatif (Tamyis, 2013). Justeru, penyampaian kurikulum yang diterima dalam sistem sentralisasi pendidikan seharusnya difahami dan disesuaikan dalam ruang lingkup bilik darjah agar aktiviti pembelajaran berkesan dan boleh mencapai hasil seperti yang telah dihasratkan.

Seterusnya, pelaksanaan kurikulum yang baik wajar dilakukan secara berkolaboratif di antara pihak JPN dengan pentadbir sekolah bagi membentuk jalinan dan jaringan sistemik. Untuk itu, kedua-dua pihak ini perlu membuatkan guru yakin, bersedia dan mampu melakukan perubahan kurikulum dengan memberikan bimbingan yang kreatif, bermanfaat dan bersifat dua hala. Tegasnya, tindakan ini akan dapat membantu GPI selesa dan komited dengan perubahan yang dilaksanakan di peringkat bilik darjah.

Selain itu, keprihatinan GPI yang terbentuk daripada bimbingan berterusan pihak JPN dan pentadbir sekolah akan mewujudkan budaya kolaboratif dalam kalangan GPI dan warga sekolah amnya. Hal ini terjadi disebabkan galakan dan persekitaran kondusif membantu mewujudkan komuniti kolaboratif di peringkat sekolah. Salah satu cara kerjasama yang boleh dilakukan adalah melalui perkongsian amalan pengajaran dalam bilik darjah. GPI wajar dididik dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) yang dilaksanakan dengan matlamat yang terarah, bersikap terbuka dan bersungguh-sungguh. Justeru, hasil kolaboratif ini diharapkan akan dapat mengupayakan GPI untuk mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran Jawi yang cemerlang. Maka natijah akhir manfaat ini akan diperoleh oleh murid sebagai memenuhi keperluan pendidikan kesan pembelajaran Jawi yang responsif kepada data dan pengajaran guru yang berinovatif.

Kertas kajian ini membuka ruang untuk menjalankan kajian lanjutan yang membabitkan aspek penilaian pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam secara komprehensif dan menyeluruh. Proses penilaian semula ini hendaklah menyeluruh bagi mendapatkan input mengenai sejauh mana pelaksanaan bidang Jawi semasa telah mencapai matlamat yang ditetapkan selain mengenal pasti elemen penambahbaikan yang perlu dilakukan. Oleh itu, penilaian yang dibuat sewajarnya dilakukan dengan berlandaskan kepada model-model penilaian kurikulum yang telah diakui dapat membantu membuat penilaian secara menyeluruh. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati tema pengajaran dan pembelajaran Jawi masih kurang dikaji terutama yang membabitkan apakah bentuk masalah pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Sebagai contoh, penyelidik akan datang boleh memberi penumpuan terhadap aspek kebolehan membaca dan menulis Jawi dalam kalangan murid.

Kesimpulannya, tulisan Jawi wajar dipertahankan dan dimartabatkan melalui kurikulum pendidikan Islam secara jitu dan sepadu. Bidang Jawi tidak wajar terhenti kesinambungannya di peringkat sekolah rendah sahaja. Penggunaan tulisan Jawi secara bersungguh-sungguh di luar konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam perlu dilaksanakan dengan mengutamakan kepentingan nasional. Justeru, hayat tulisan Jawi wajar dipelihara agar tidak terhenti sebagai warisan budaya dan hanya digunakan dalam wacana keislaman sahaja.

RUJUKAN

- A.Hamid, R. & Abd. Ghani, W. (2005). *Pandangan Semesta Melayu*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, Z. & Abdul Aziz, A.Y. (2020). Peminggiriran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri melayu: satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244-255. Retrieved from <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152/128>
- Abdul Hamid, F.@A.F. & Abdul Latif, F. (2014). Sejarah perkembangan tulisan Jawi: analisis mengenai teori Kang Kyoung Seok. *Jurnal al-Tamaddun*, 9(2): 1-15. Retrieved from <http://jice.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8673>
- Abdul Latip, N.S. (2018). Daya saing tulisan Jawi dan potensi kod Jawi dalam menghadapi era globalisasi. *Jurnal Sains Insani*, 3(1): 38-45. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1>
- Abdul Rahim, M. M., Borham, A. H., & Budiyo, U. M. (2021). Nilai-nilai murni dalam kepimpinan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Muallim. *Al-Hikmah*, 13(1), 3-20. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/433>
- Abdul Rahman, N.A., Mohd Amin, N. & Razali, W.N. (2017). Persepsi pelajar melayu UNITEN berkaitan kemahiran menggunakan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa melayu dan tulisan Jawi. *Jurnal Sains Insani*. 2(1): 42-47. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.49>
- Ag Ghani, A. (2006). *Persepsi pelajar terhadap penggunaan buku teks Jawi Pendidikan Islam dalam Pembelajaran; satu kes atas pelajar tingkatan 4, sekolah menengah kebangsaan Masai*. Tesis Sarjana Pendidikan (tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ahmad, M.S., Baharudin, H. & Mohd Zubir. N.S.(2021). Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) di sekolah rendah daerah Selangau, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2): 144-153. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13507>
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M. & Abdul Rahim, M.H. (2012). Cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa melayu. *Journal of Techno Social*, 2012, 81-88. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1431>
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M. & Abdul Rahim, M.H. (2018). Tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Journal of Techno Social*, 10(1), 2018, 57-62. Retrieved from <http://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/jts>
- Ali, A.R., & Abdullah, B. (2015). Falsafah pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015- International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 6-7 September 2015: 574-585. Retrieved from https://www.uniswa.edu.my/icic/images/Fullpaper/67_-_Asyraf_Ridwan_Ali.pdf
- Ali A.R., Abdullah, B. & Rashid, N. (2018). An error analysis approach in identifying the patterns of mistakes in Jawi spelling. *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2018 (8), 1222-1231. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i11/5164>
- Asmuni, M.F. (2020). Perjuangan melayu dalam menjulang peradaban bangsa dan agama. *Jurnal Peradaban Islam*, 1(1), 111-128. Retrieved from <https://www.peradabanislam.com/jurnal/article/view/7>
- Bahrin, S., Lubis, S.A., & Abdul Kadir, F.A. (2014). Pelaksanaan kurikulum j-QAF oleh Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran Sabah. *Jurnal usuluddin*, 39, 135-157. Retrieved from <https://ajba.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7475/5102>
- Borham, A.J. (2012). Tulisan Jawi: tulisan serantau dlm. *Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012*, Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 18 Oktober 2012: 1-16.
- Buta, K. & Talin, R. (2017). Persepsi murid terhadap mata pelajaran pendidikan Islam: satu analisis kualitatif. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017*. Anjuran Fakulti Pendidikan Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. 13 hingga 15 Disember 2017. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah: 468-475.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi Edisi Kedua*, 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N.R. (2020). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*, 11(2), 181-217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- Hall, G., E. & Hord, M.S. (2011). *Implementing change: patterns, principles and patholes*. Third Edition. New Jersey: Pearson Education Inc.

- Hamdzah, M. E. & Surat, S. (2020). Pemupukan minat terhadap Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2):103-109. Retrieved from http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2021/01/Artikel-19_Mohd-Ezzan_FPEND-1.pdf
- Hamsa, M.A. & Hamzah, I. (2017). Membantu meningkatkan kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid Tahun 6 di daerah Kota Marudu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains dan Teknologi dalam pendidikan 2017*. Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 20-21 Mac 2017. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 278-289.
- Hendriani, D. (2017). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Indonesia. *Jurnal Qolamuna*, 3, 2017: 37-54. Retrieved from <https://ejournal.stisnu.ac.id/ojs/index.php/qolamuna/article/view/72>
- Ibrahim, R., Embong, R., Abdul Kadir, F. K. & Hashim, H.A. (2019). Pemerksaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1): 29-37. Retrieved from <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/44>
- Ismail, S. (2015). Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, 8(2): 83-99. Retrieved from <https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/viewFile/2087/1247>
- Ismail, Z., Wan Ahmad, W.I., Hamjah, S.H., Mohamad Rasit, R., Abd. Khafidz, H., & Ashaari, M.F. (2019). Senario pendidikan Islam dan Hala Tujunya dalam sistem pendidikan Malaysia. *Al-Hikmah*, 11(2), 37-53. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/382>
- Jaafar, A. (2019). *Asas pembangunan kurikulum dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamriy, Z.A. (2016). *Strategi Pengajaran Pemulihan Jawi j-QAF di Sekolah Rendah Perak*. Tesis Sarjana Pendidikan (tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.
- Johari, M.K.H., Abdul Hamid, N.Z., Muhd Saleh S.H. & Bidin, B. (2021). Pelaksanaan kaedah pendaraban cepat dalam topik pendaraban terhadap minat dan tahap pencapaian murid Tahun Empat: satu kajian literatur. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14: 103-113 <https://doi.org/0.37134/bitara.vol14.sp.11.2021>.
- Kamaruzaman, A.R. & Nik Abdullah, N.M.S.A. (2019). Penulisan Jawi dalam mata pelajaran al-Quran and al-Sunnah di peringkat menengah: isu dan cabaran, *Jurnal KIAS*, 14 (1): 1-30 Retrieved from <http://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/155>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Cyberjaya: Bahagian Pendidikan Islam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lubis, I., Lubis, M.A., Taib, S.H., Khairuddin, Zakaria, I., Mohd Nor, M.Y., Ismail, A., Abdul Rahman, S.E & Wan Abdullah, W.A.A. (2021). Dasar falsafah dan polisi pendidikan bersepadu: pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1):1-19. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/70>
- Mahendran, K., Adenan, N.H., Abd. Karim, N.S., Rawdah Adawiyah & Md. Junus, N.W. (2021). Analisis tahap pengetahuan pedagogi kandungan (PCK) Guru Pelatih Matematik. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14: 72-81 <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.sp.8>
- Mahmud, A.R. (2021). *Teknik menulis artikel ulasan*. Kajang: Bandar Seri Putra.
- Makmur, H. & Buchari, K. (2014). Pengajaran seni khat dan tulisan Jawi dalam pendidikan Islam: peluang, cabaran dan harapan. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik*, Jun 2014: 1-19.
- Mat Arriffen, A. (2019). *Persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar lepasan program j-QAF*. Tesis sarjana pendidikan. (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Md. Jaafar, F., Osman, R., Saidin, K. & Abdan, N. (2017). Kesan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap pencapaian akademik penguasaan kemahiran Jawi. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 19(4): 57-70. Retrieved from <https://uijournal.usim.edu.my/index.php/uij/article/view/47>
- Mohamad Yusoff, M.R. & Zulkifli, H. (2021). Tahap kefahaman dan kemahiran pengajaran mata pelajaran Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 5: 1-14. Retrieved from <https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/87>
- Mohd Amin, N. & Abdul Rahman, N.A. (2019). Persepsi pelajar melayu UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia, *Jurnal Sains Insani*, 4(1): 7-14. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.1.02>
- Mohd Hassan, H.I., Siti Mahani Angeterian & Yusop, M.S. (2017). Kegemilangan bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*, 2(1):18-28. Retrieved from

- <https://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/317>
- Musa, H. (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nahar, N. & Safar, J. (2016). Amalan pengajaran Jawi dalam pendidikan masa kini suatu tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2 (2): 70-85.
- Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. Cetakan Ketiga. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rasul, A. & Hassan, H. (2019). Tahap kesediaan guru pendidikan Islam pentaksiran dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sekolah rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(1): 1-7. Retrieved from <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/3386>
- Sabilan, S., Jamaluddin, M. B. & Mohni, S.N.(2018). Penggunaan Kad Jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi. *International Conference on Research, Language and Education 2018 (ICORALE 2018)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 4 Julai 2018: 1-10.
- Sharipah Nor Puteh, S.N., Abd Salam, K.A. & Tamyis, M.M. (2013). Concern Based Adoption Model (CBAM) Untuk Menilai Pelaksanaan Perubahan Kurikulum. *Jurnal Pemikiran dan Penelitian Pendidikan*, 15(2): 1-8.
- Tamyis, M.M. (2013). *Tahap keprihatinan guru j-QAF dalam inovasi program pemulihan Jawi sekolah rendah*. Tesis Sarjana Pendidikan (tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tamyis, M.M. & Suppian, Z. (2021). Isu pelaksanaan kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) Jawi: satu penilaian. *E-Journal of Global Language, Education and Information Technology (GLEIT) KUIS*, Vol. 4, 2021, 9-20. Retrieved from <https://wpri.conferences.net/journals/gleit/toc/index3.html>
- Wan Husain, W.A.F. (2020). Suatu pengenalan struktur asas perlembagaan dari perspektif Malaysia. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*. 19(1), 1-12. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/351083665>
- Yusoff, M.A.(2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya alam masyarakat Islam di Malaysia, *Jurnal Usuluddin*, 21:23-38. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4224>
- Yusuff, N.A. & Musa, N.Y. (2012). Penerimaan dan halatuju tulisan Jawi: suatu tinjauan dari pandangan remaja kini. *Seminar Jawi Serantau 2012. Anjuran Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM)* pada 19-20 Jun 2012. Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam, Selangor. [https:// doi.org.10.17576/malim-2017-1801.03](https://doi.org/10.17576/malim-2017-1801.03)
- Zainuddin, M.N. (2020). Sumbangan Bukhari Lubis dalam bidang Jawi dan Khat: pedoman kepada pemimpin sekolah dan pendidik menjadi pemimpin berkualiti. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2): 74-91. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/12241>